




**JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK**  
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)  
TINGKAT 9, 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA, 93502 KUCHING  
SARAWAK

Talian Am: 082-441957  
No. Faks: 082-445637  
Laman Web: <http://www.shru.sarawak.gov.my>



**PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 17 TAHUN 2017**

DARIPADA: **Setiausaha Kerajaan, Sarawak,** KEPADA: **Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/  
Perbandaran/ Daerah**

SALINAN **Pengarah Audit Negeri**  
KEPADA: **Pengarah Audit Dalam**

PERKARA: **Bayaran Insentif Khas Untuk Tahun 2017**

RUJUKAN: **8/JKM/SHRU/ TM/400-2/7/1/JLD.1** TARIKH: **30 NOV 2017**

**1. Tujuan**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju memberikan **Bayaran Insentif Khas Untuk Tahun 2017** kepada penjawat awam Negeri Sarawak yang berkhidmat dalam tahun 2017 sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

**2. Latar Belakang**

Pembayaran **Bayaran Insentif Khas Untuk Tahun 2017** kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap dedikasi dan prestasi penjawat awam negeri yang telah menyumbang kepada kemajuan serta pertumbuhan pembangunan negeri yang memberi manfaat kepada rakyat.

**3. Pelaksanaan**

3.1 **Bayaran Insentif Khas Untuk Tahun 2017** ini diberi kepada semua

*" Together We Drive The Workforce In The Civil Service To Be World Class "*

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI**

No. Telefon: 082-446415  
No. Faks: 082-443970

**BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT**

Seksyen Pengambilan  
No. Telefon: 082-319946  
No. Faks: 082-311478

Seksyen Pembangunan Kerjaya  
No. Telefon: 082-463355  
No. Faks: 082-311478

Seksyen Kemudahan & Anugerah  
No. Telefon: 082-312548  
No. Faks: 082-445618

Seksyen Latihan  
No. Telefon: 082-313951  
No. Faks: 082-312997

**BAHAGIAN POLISI & KOMUNIKASI SUMBER MANUSIA**

Seksyen Pengurusan Maklumat  
No. Telefon: 082-449237  
No. Faks: 082-449490

Seksyen Komunikasi Sumber Manusia  
No. Telefon: 082-448240  
No. Faks: 082-440033

Seksyen Transformasi & Inovasi  
No. Telefon: 082-312557  
No. Faks: 082-440033

**BAHAGIAN SOKONGAN PEKERJA**

Seksyen Perkhidmatan Sokongan Pekerja  
No. Telefon: 082-319941  
No. Faks: 082-312923

Seksyen Integriti  
No. Telefon: 082-443502  
No. Faks: 082-312923

pegawai Perkhidmatan Awam Negeri tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya **30 hari berturut-turut** termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

- 3.2 Bagi pegawai lantikan *contract of service* dan *contract for service* tempoh **30 hari berturut-turut** termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 adalah bermaksud boleh meliputi lebih dari satu kontrak yang bersambungan tanpa putus.

#### 4. Pegawai Yang Layak

- 4.1 Tertakluk kepada perenggan 3.1 di atas, pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang layak dibayar **Bayaran Insentif Khas Untuk Tahun 2017** adalah seperti berikut:
- a. pegawai lantikan tetap, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), sementara, *contract of service* dan *contract for service*;
  - b. pegawai yang bercuti tanpa gaji **tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017**. (tertakluk kepada para 7.2)
  - c. pegawai yang bercuti separuh gaji tetapi **tidak sepanjang tahun 2017**; (tertakluk kepada para 7.2)
  - d. Pegawai yang diluluskan cuti belajar bergaji penuh di sepanjang tahun 2017 adalah layak dibayar sebulan gaji pokok hakiki. (tidak tertakluk kepada para 7.2)
  - e. Pegawai yang diluluskan cuti belajar separuh gaji sepanjang tahun 2017 adalah layak dibayar setengah bulan gaji pokok hakiki. (tidak tertakluk kepada para 7.2)
  - f. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan

pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta **tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017**. (tertakluk kepada para 7.2)

- g. Pesara lantikan (tetap) Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) yang telah tamat perkhidmatan pada umur persaraan wajib (mengikut opsyen yang dipilih) dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017. (tertakluk kepada para 7.2)

## 5. Pegawai Yang Tidak Layak

5.1 Pegawai yang tidak layak dibayar **Bayaran Insentif Khas Untuk Tahun 2017** adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada **30 hari berturut-turut** termasuk semua jenis Cuti Bergaji Penuh dan Cuti Separuh Gaji serta Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
- b. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2017;
- c. pegawai yang bercuti separuh gaji sepanjang tahun 2017;
- d. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.
- e. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman cela dalam tempoh 1 Januari 2017 hingga 20 Disember 2017;
- f. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2017; dan
- g. pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2017;